



RINGKASAN

Tun Hussein Onn telah dilahirkan pada 12 Februari 1922, kepada Dato' Onn Jaafar, Menteri Besar Johor, dan Datin Halimah Hussein. Beliau yang dilahirkan di Johor Bahru mendapat pendidikan awal di Singapura, dan kemudiannya di Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) Johor Bahru.

Tun Hussein Onn dikenali dengan usaha beliau dalam menekankan isu-isu perpaduan kaum melalui dasar-dasar yang bertujuan untuk mengatasi ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum-kaum di Malaysia. Antaranya ialah dengan melancarkan Amanah Saham Nasional. Pada tahun 1976, Tun Hussein telah melancarkan PEMADAM, sebuah organisasi khas untuk memerangi penyalahgunaan dadah. Beliau juga sering menekankan kepentingan Rukun Tetangga dan peranannya dalam memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat Malaysia.

Beliau mewujudkan budaya kerja yang penuh disiplin dan integriti di dalam seluruh jabatan kerajaan. Tun Hussein cukup benci dengan gejala rasuah, dan menyifatkannya sebagai sebuah penyakit yang harus dihapus "sebelum ianya menjadi barah."

Usaha-usaha beliau dalam memupuk perpaduan dan keharmonian sesama pelbagai kaum dan masyarakat di Malaysia memberi beliau gelaran "**Bapa Perpaduan**".

Tun Hussein Onn

(1976 - 1981)

KRONOLOGI

1922: Dilahirkan di Johor Bahru, Johor pada 12 Februari.

1940: Menyertai Angkatan Tentera Johor sebagai Kadet.

1941: Dihantar untuk mengikuti latihan ketenteraan di Akademi Ketenteraan India, Dehradun, India. Beliau sedang berkhidmat dalam Tentera India apabila dihantar ke Timur Tengah semasa Perang Dunia ke-2.

1946: Pulang ke Tanah Melayu dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Segamat, Johor.

1949: Tun Hussein dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO.

1950: Tun Hussein dilantik sebagai Setiausaha Tertinggi UMNO

1951: Keluar daripada UMNO untuk menyertai Parti Kemerdekaan Malaya (IMP), parti yang ditubuhkan oleh ayahanda Dato Onn Jaafar.

1951: Tun Hussein meninggalkan arena politik untuk menyambung pelajaran di Lincoln's Inn, London.

1958: Mendapat kelulusan sebagai Barrister at Law daripada Lincoln's Inn. Pada tahun 1962, beliau ditauliahkan sebagai peguambela dan peguamcara.

1968: Kembali menganggotai UMNO atas undangan Tun Abdul Razak.

1969: Menang dalam Pilihan Raya Umum. Dipilih sebagai Menteri Pelajaran Malaysia.

1973: Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 13 Ogos selepas Tun Dr. Ismail Abdul Rahman meninggal dunia.

1976: [Menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-3 pada 15 Januari berikutan kematian mengejut Tun Abdul Razak.](#)

1978: Menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk meningkatkan pemegang saham Bumiputera.

1981: Melancarkan Amanah Saham Nasional pada 20 April.

1981: Meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia atas faktor kesihatan.

1990: Tun Hussein Onn kembali ke Rahmatullah pada 29 Mei akibat serangan jantung, di Pusat Perubatan Seaton, San Francisco, Amerika Syarikat.

KELUARGA

Isteri: Tun Suhailah binti Tan Sri Haji MOhd Noah Omar

Anak-anak: Rogayah Hanim, Dr Suraya Hani, Rodziah Hanis, Dato' Seri Hishammuddin, Dr Rozita Halina, dan Harris Onn.